



قجابه ستياوسها كراجان نكري كلنتن  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
Aras 3, MABNA MBI (Blok 8),  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Tel. : 609 - 7481957 (AM)  
: 609 - 7485766 (D/L)  
Fax : 609 - 7443164  
: 609 - 7436000  
KPSU : 609 - 7484367  
E-mail : bhgkp@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : SUKD200(01) 15/1/1 Jld 3 [ 89 ]  
Bertarikh : 06 Safar 1442H bersamaan  
24 September 2020M



*Semua Jabatan Kerajaan Negeri*

*Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri*

*Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri*

*Semua Ketua Unit/ Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan*

**ARAHAN PENTADBIRAN**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2020**

**KEBENARAN KELULUSAN KHAS BAGI MELAWAT NEGERI-NEGERI YANG**  
**DISAHKAN MEMPUNYAI KES POSITIF COVID-19 KEPADA PENJAWAT AWAM**  
**NEGERI KELANTAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas

2. Sukacita dimaklumkan bahawa penularan wabak COVID-19 di Malaysia masih belum pulih sepenuhnya dan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Sehubungan dengan itu, semua penjawat awam di Negeri Kelantan termasuk lantikan politik yang ingin **melawat atau melakukan perjalanan persendirian** ke mana-mana destinasi yang mempunyai kes positif COVID-19 adalah **tidak dibenarkan**. Kebenaran khas daripada YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum melakukan perjalanan ke destinasi wabak COVID-19 yang menular tersebut.

3. Semua penjawat awam juga diwajibkan mematuhi pemakaian **Pelutup Muka**, penggunaan cecair **Pembasmi Kuman (sanitizer)** dan sentiasa mengamalkan **Penjarakan Fizikal** sewaktu masa bekerja. Arahan ini berkuatkuasa serta merta. Sebarang perubahan kepada arahan ini akan dimaklumkan kemudian setelah mendapat pandangan daripada pihak berwajib.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**  
**"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' HAJI TENGGU AZMI BIN HAJI TENGGU JAAFAR, D.P.S.K (Kelantan)  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
b.p: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
KELANTAN



" MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN "  
KEBERKATAN · KEMAKMURAN · KEBAJIKAN